

# Agama Pencetus Keharmonian Bangsa di Alam Melayu

**Mohd Nizho bin Abdul Rahman & Solahuddin bin Abdul Hamid**  
Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

**Abstrak:** Alam Melayu umumnya terkenal dengan agama sebagai tunjang kepada kekuatan tamadunnya. Agama mengajak manusia kepada keharmonian dan juga perpaduan kaum. Ini dapat dilihat melalui teori, kaedah dan saranan agama yang menyuruh manusia melakukan kebaikan dan melarang manusia melakukan kejahanan. Sebagai contoh semua agama di Asia melarang penganutnya berjudi, minum arak dan juga berzina. Justeru larangan ini jelas menunjukkan agama sebagai pencetus kepada kedamaian dan keharmonian bangsa terutamanya negara kita dan Indonesia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kajian yang akan dilakukan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat yang berbilang bangsa bahawa dengan panduan dan ketetapan agama maka kehidupan bangsa atau etnik yang berbagai-bagai ini mampu disatukan melalui kemurnian dan gagasan agama sebagai pendorong kepada keharmonian bangsa. Oleh yang demikian keunikan pelbagai budaya dan kepercayaan juga tidak terlepas daripada kawalan dan tuntutan agama. Ia bukan hanya sebagai kepercayaan semata-mata malah mampu menjadi penyelamat kepada krisis hubungan kaum yang berlaku di dunia kini. Selain itu kajian ini juga cuba mengetengahkan beberapa cadangan dan saranan tentang kepentingan agama dalam kehidupan manusia di samping mencari titik persamaan antara agama yang menjadi pegangan masyarakat pelbagai bangsa di Alam Melayu amnya dan di Malaysia khususnya.

## PENGENALAN

Agama ialah salah satu kepercayaan yang dianuti oleh seluruh penduduk dunia. Rantau Asia juga tidak terlepas daripada kepercayaan dan kefahaman terhadap agama. Manusia tanpa agama akan menyebabkan mereka tidak mengetahui akibat baik dan buruknya. Islam meletakkan pegangan agama sebagai suatu yang teguh dan tetap seperti mana firman Allah Taala dalam surah al-Taubah ayat 36 yang bermaksud;

Demikianlah agama yang menjadi pegangan yang kukuh dalam kehidupan seseorang.

Melalui agama manusia diberi panduan sehingga dapat membezakan suatu tanpa ragu-ragu dan syak wasangka terhadap mana-mana suruhan dan larangan seperti mana sabda Nabi SAW;

“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas.” (Riwayat Muslim)

Ini menunjukkan agama telah menyediakan mekanisme yang jelas terhadap penganutnya bagi melaksanakan sesuatu perkara agar tidak keluar dari landasan yang telah ditetapkan. Justeru setiap kaedah dan panduan yang dikemukakan bertujuan melahirkan insan yang sentiasa patuh kepada suruhan dan meninggalkan segala larangan. Manusia diajar supaya memiliki sifat-sifat yang terpuji dan disuruh menghindarkan diri mereka daripada sifat-sifat yang terkeji. Dalam agama Buddha sebagai contoh penganutnya diajar sentiasa memelihara lima hubungan antara mereka (konsep lima hubungan) bagi menjamin keseimbangan sosial termasuklah hubungan kawan dengan sahabat (Lok Chong Hoe, 1998). Oleh yang demikian, agama memainkan peranan yang penting mewujudkan suasana harmoni dan kedamaian di kalangan bangsa manusia itu sendiri.

## **ALAM MELAYU DAN PEGANGAN AGAMA**

Alam Melayu atau dikenali sebagai Nusantara adalah kawasan yang secara khususnya di diami oleh bangsa Melayu suatu ketika dahulu. Dengan kata lain orang Melayu itu merujuk kepada satu rumpun bangsa yang mempunyai pola-pola fizikal dan kebudayaan yang berbeza daripada bangsa lain. Oleh yang demikian, mereka yang menduduki kawasan yang dikenali sebagai alam Melayu bukan hanya di Malaysia dan Indonesia malah bermula dari Taiwan di utara hingga ke Kepulauan Pasifik di selatan dan dari Papua New Guinea di timur hingga ke Madagascar di barat (Yadim, 2008).

Justeru dari sudut pegangan agama dahulunya Nusantara atau Asia Tenggara ialah kawasan yang terkenal dengan penerimaan pengaruh Hindu dan Buddha. Setelah itu kawasan ini mula bertukar menjadi pusat perkembangan Islam. Sejarawan berpendapat perkembangan Islam di kawasan ini selari dengan kebangkitan tamadun Melayu itu sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan yang wujud sebelum kedatangan Islam merupakan kerajaan yang kuat pegangan Agama mereka. Ia menjadikan agama yang dianuti mereka itu berkembang sehingga menjadi pusat pembelajaran agama Buddha di Nusantara. (Afifah *et al.*, 2003).

Kekuatan pegangan agama mereka ialah melalui proses beberapa hubungan yang dilihat mampu memberi sumbangan yang besar terhadap kekuatan dan pegangan agama. Antaranya:

Masyarakat Asia terutamanya golongan pedagang dan agamawan secara persendirian datang ke pelabuhan-pelabuhan di India dan mempelajari agama Buddha dan Hindu. Seorang Sarjana, FDK Bosch pada tahun 1946 menegaskan bahawa pedagang-pedagang Indonesia pernah sampai ke India. Mereka memainkan peranan yang penting dan berusaha menyebarkan agama Hindu ke Asia tenggara selepas mereka kembali ke tempat asal mereka.

Penerimaan yang baik oleh masyarakat tempatan dan mereka bertanggungjawab pula menyebarkannya di kalangan anggota masyarakat. Biasanya tugas ini dilaksanakan

oleh golongan pemerintah kepada rakyat jelata. Pihak rakyat jelata pula boleh menerima dengan berlapang dada tanpa menimbulkan sebarang penentangan kerana usaha tersebut dilakukan oleh pemerintah mereka. Selain itu, wujud pula inisiatif dari kalangan masyarakat tempatan sendiri yang menghantar orang tempatan mempelajari budaya dan agama Hindu. Kerajaan Srivijaya juga pernah menghantar pengikut agama Buddha bagi mendalamai agama Buddha di Universiti Nalanda di Bihar yang ditubuhkan pada abad kelima. Ini menunjukkan bahawa masyarakat di Alam Melayu sememangnya kuat berpegang dengan agama yang dianuti oleh pemerintah mereka. (Azhar Hj. Mad Aros, *et al.*, 2000)

Setelah kedatangan Islam senario pegangan mereka terhadap agama mula berubah pula kepada pegangan agama Islam. Ia disebabkan pemerintah mereka bertukar agama daripada Hindu-Buddha kepada Islam. Syed Nuquib (1972) menyatakan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu sebagai “pencetus suatu zaman baru”. Perubahan yang dibawa merupakan perubahan menyeluruh berteraskan paradigma Tauhid. Impak tauhid ini menyebabkan berlakunya perubahan terhadap rupa dan jiwa Alam Melayu ini. (Syed Naquib, 1972). Ledakan tauhid ini telah meninggalkan zaman kehidupan Hinduisme dan Buddhisme yang tiba pada abad keempat Masihi dan kelima Masihi, di mana perintah dan ajaran Islam itu diterima melalui jenis-jenis aktiviti pendidikan yang informal. (Azhar Mat Aros *et. al.*, 2000). Penukaran kepada Islam juga berlaku tanpa mengganggu masyarakat yang ada sehingga menjadikan orang Melayu di Alam Melayu beragama Islam. Kekuatan dan kemantapan Islam yang menjadi pegangan mereka adalah ditunjang dengan usaha gigih dan kebijaksanaan para pendakwah yang terdiri daripada pedagang, mualigh, ulama, ahli sufi, raja dan bala tentera (Siddiq Fadil, 1986).

## **GAGASAN AGAMA SEBAGAI PENCETUS KEHARMONIAN BANGSA**

Menurut Agama Islam manusia dijadikan oleh Allah dengan pelbagai latar belakang, warna kulit dan sebagainya. Namun bagi Agama Islam kepelbagaiannya tersebut tidaklah menghalang manusia hidup secara harmoni. Islam melalui gagasan al-Quran secara jelas menyuruh manusia bersatu padu dan hidup dalam suasana harmoni dan saling berkenalan di antara satu dengan yang lain. Firman Allah Taala dalam surah al-Hujurat ayat 49 yang bermaksud;

Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami jadikan kamu berpuak-puak dan berbangsa-bangsa supaya kamu saling kenal mengenali di kalangan kamu. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di kalangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha mengenal.

Islam tidak pernah melarang umatnya berhubung dan berinteraksi di antara kaum sama ada Muslim ataupun bukan Muslim. Sejarah telah membuktikan bahawa Nabi SAW sendiri telah mengadakan hubungan malah pernah meminta pertolongan daripada

seorang pembesar, (Raja Najasyi seorang Kristian) ketika para sahabat berhijrah ke Habsyah (Ethopia) bagi mendapat suaka politik akibat daripada penindasan kaumnya sendiri. Ini menggambarkan hubungan dan interaksi yang berlaku adalah suatu yang diharuskan dan dibolehkan malah satu-satunya gagasan daripada agama Islam yang berperanan mengharmonikan hubungan kaum dan bangsa ketika itu (al-Maududi, 1997).

Justeru agama Islam yang bersifat universal, sejagat dan tanpa sempadan mengutamakan kesejagatan, keharmonian dan perpaduan di kalangan bangsa manusia. Semua golongan manusia tidak kira bangsa atau etnik diukur kehebatan mereka adalah dari sudut sejauh mana ketakwaannya kepada Allah tanpa dilihat dari sudut fizikal yang boleh dikagumi dan dibanggakan. Nabi SAW telah menegaskan perkara ini dalam sabdanya;

“Tidak ada perbezaan di antara orang Arab dan bukan Arab melainkan takwa.”  
(Riwayat al-Bukhari)

Kedudukan ini jelas menunjukkan sikap Islam terhadap bangsa ataupun etnik tidak ada perbezaan kecuali agama yang menjadi pegangan hidup mereka. Ini tidak bermakna mana-mana masyarakat yang bukan Islam yang berbeza etnik dan anutan ditindas dan didiskriminasikan. Tidak terdapat dalam sejarah Islam bahawa golongan bukan Islam ditindas dan dianiaya hak-hak mereka Sebaliknya terbukti dalam sejarah Islam yang mencatatkan bagaimana mereka diselamatkan dan diberi suaka politik oleh kerajaan Islam ketika itu atas dasar kemanusiaan dan keinsanan. Islam tidak pernah mengutarakan masalah etnik, rupa paras, warna kulit, keturunan dan sebagainya sebagai syarat mengadakan hubungan kemanusiaan sesama manusia. Bukan Islam juga diberi hak yang telah ditetapkan syarak dan hak tersebut tidak boleh dinafikan oleh sesiapapun.(al-Mawardi, 1985)

Bagi mengatasi perselisihan etnik dan pertembungan yang tidak sihat, Islam semenjak Rasulullah SAW memerintah Madinah telah menetapkan sebuah perlembagaan yang dapat melindungi hak-hak kebersamaan rakyat dalam negara. Perlembagaan yang digubal mengandungi 47 ceraian yang termaktub di dalamnya hak-hak kebebasan manusia yang merangkumi hak kebebasan beragama dan adat istiadat masing-masing. Ini merupakan salah satu pengiktirafan Islam terhadap hak-hak orang lain walaupun berbeza dari segi etnik dan agama. Sesuatu yang dapat dilihat secara jelas tentang bagaimana agama Islam menjaga hak minoriti etnik yang berada di bawah naungannya seperti yang terdapat dalam ceraian perlembagaan Madinah, di mana disebut secara khusus berkaitan hak dan keselamatan kaum minoriti (Yahudi) termasuk nyawa dan harta benda mereka mendapat jaminan daripada Islam (Al-Maududi, 2000).

Agama Islam melalui gagasan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW mengambil kira hak-hak yang perlu dipelihara terhadap setiap individu supaya keharmonian dan kedamaian dalam kalangan bangsa terpelihara. Antara hak yang diberi penekanan dan pemeliharaan adalah seperti berikut:

## 1. Hak bersosial

Mana-mana etnik yang berada dalam kelompok masyarakat majmuk di bawah pemerintahan Islam mereka bebas melakukan sebarang aktiviti sosial mereka tanpa sebarang sekatan atau larangan. Mereka dibenarkan untuk menyusun sebarang aktiviti-aktiviti yang mereka inginkan selagi tidak menggugat keamanan negara. Imam Hasan al-Basri pernah menjawab surat yang ditulis oleh Khalifah Umar Abdul Aziz yang bertanyakan tentang kenapa Khulafa' al-Rashidin tidak mengambil sebarang tindakan terhadap ahli Zimmi (non Muslim) yang menjual babi dan arak di kalangan mereka.

Imam Hasan al-Basri menjawab, sebarang kegiatan yang mereka lakukan meskipun bertentangan dengan ketetapan Islam dalam permasalahan nikah kahwin sebagai contoh, mereka diberikan kebebasan tersebut. Mereka berhak menghalalkan nikah tanpa saksi, nikah tanpa mas kahwin, nikah dalam masa idah atau nikah dengan mahram, maka Islam tidak berhak campur tangan bahkan menganggapnya sebagai harus kerana di sisi agama dan budaya mereka tidak menjadi satu kesalahan (al-Mawardi, 1985).

## 2. Hak-hak beragama

Orang-orang non Muslim dari pelbagai etnik diberi kebebasan menganuti agama masing-masing. Justeru dalam bidang pendidikan, mereka tidak dipaksa untuk mempelajari pelajaran agama Islam bahkan mereka berhak menyusun urusan pendidikan agama mereka di sekolah-sekolah awam di seluruh negara atau di sekolah-sekolah yang khusus untuk mereka. Rumah ibadah mereka juga tidak boleh diganggu dan dirobohkan, bahkan mereka berhak memperbaharui rumah ibadah tersebut jika dirobohkan asalkan tidak membina tempat-tempat ibadah yang baru dalam kawasan penempatan Muslim, sebaliknya selain daripada penempatan Muslim mereka dibenarkan membina rumah ibadah yang baru dan dibenarkan menzahirkan syiar-syiar mereka. Mereka diberi kebebasan penuh untuk memuji agama-agama mereka. Malah kerajaan tidak boleh membantah mana-mana puak dalam etnik yang ingin bertukar agama selain Islam ke agama yang lain. Sebarang perundungan berkaitan murtad hanya dikenakan kepada orang Islam yang murtad tanpa dikenakan kepada non Muslim sekalipun mereka menggesa orang-orang Muslim supaya murtad.

Dalam memelihara hubungan etnik yang sedia terjalin, pemerintah Islam tidak boleh sekali-kali memaksa etnik yang non Muslim berpegang kepada aqidah kepercayaan dan amalan yang bercanggah dengan hati mereka. Mereka dibenarkan melakukan apa-apa amalan yang bertepatan dengan hati kecil mereka selagi tidak bercanggah dengan undang-undang negara. Bahkan Islam secara tegasnya melarang pengikutnya mencaci maki tuhan-tuhan etnik yang lain. Perkara ini dinyatakan oleh Allah Taala dalam al-Quran, surah al-An'am ayat 108 yang bermaksud;

Dan Janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah kerana nanti mereka akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan Ini menggambarkan bahawa Islam memelihara hubungan sesama manusia dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besarnya perkara. Sebarang permasalahan yang

timbul dalam agama, Islam menganjurkan perbincangan atau musyawarah dengan mengambil kira pandangan dan anjuran agama etnik yang lain dalam merungkai sebarang permasalahan. Dalam hal ini Rasulullah SAW sendiri pernah menjatuhkan hukuman kepada wanita dan lelaki Yahudi dengan merujuk kepada apa yang terdapat dalam kitab mereka (Taurat) (al-Qardhawi, 2001).

### **3. Hak berpolitik**

Orang bukan Islam diberi kebebasan dalam politik seperti memberi ucapan, menulis, mengeluarkan pandangan, buah fikiran dan mengadakan perhimpunan sama seperti orang Islam. Mereka diberi hak memilih wakil rakyat dalam satu majlis perwakilan yang diwakili etnik mereka sendiri supaya melaluinya mereka boleh menunaikan sebarang keperluan hidup mereka, bahkan menyatakan pandangan-pandangan mereka berkaitan hal-ehwal pentadbiran negara sekalipun.

Majlis perwakilan yang diwujudkan ini adalah dikhususkan kepada mereka sahaja yang mana keanggotaan dan hak mengundi adalah di kalangan mereka dan kebebasan diberikan sepenuhnya kepada mereka. Mereka juga diberi kebebasan melalui majlis ini untuk menggubal undang-undang baru atau memperbaiki undang-undang yang sedia ada yang berkaitan dengan hal-ehwal kehidupan mereka dan dikira sebagai undang-undang setelah diperkenankan oleh ketua kerajaan.

Mereka juga boleh mengemukakan aduan, bangkangan, pandangan dan cadangan yang berkaitan sistem pemerintahan kerajaan dan ketetapan majlis syura dengan bebas dan kerajaan Islam boleh mengkajinya dengan penuh adil dan saksama. Selain itu mereka berhak mengajukan soalan-soalan berkaitan hak etnik mereka dan kerajaan Islam mestilah menyediakan seorang wakil untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul. Mereka juga diberi hak memegang jawatan dalam kerajaan kecuali jawatan ketua-ketua tertentu. atau disebut portfolio yang penting dalam kerajaan Islam. Sebagai contoh, jawatan menteri yang bertanggungjawab menentukan hala tuju negara dan membuat sebarang keputusan. Ini kerana ianya dikaitkan dengan mereka yang beriman dengan prinsip-prinsip Islam (Hafiz Mahyuddin, 2002).

### **4. Hak berekonomi**

Masyarakat yang wujud dalam etnik yang berbagai dalam negara Islam diberi hak untuk berekonomi sama ada bidang perusahaan, pertukangan, perniagaan dan pertanian. Tidak ada konsep keistimewaan kepada Muslim tanpa yang lain dalam hal-hal berekonomi. Islam meletakkan syarat mereka yang rajin berusaha akan mendapat apa yang diidam-idamkan. Islam meletakkan konsep siapa yang berusaha dia akan dapat sebaliknya mereka yang malas akan ketinggalan. Pepatah Arab ada menyebut;

“Siapa yang bercucuk tanam pasti akan menuai.”

Masyarakat yang berbagai-bagai etnik diberi hak seluas-luasnya untuk mencari rezeki dan pekerjaan bagi menanggung kehidupan mereka. Kaedah yang dituntut oleh Islam ialah jangan menindas dan menganiaya orang lain. Setiap pekerjaan yang dilakukan

hendaklah dilakukan dengan jujur dan amanah demi kepentingan negara. Islam sendiri sentiasa memberi galakan kepada umatnya bekerja dan berusaha mencari rezeki yang halal. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

“Berpagi-pagilah kamu mencari rezeki yang halal sesungguhnya dengan berpagi-pagi itu kamu akan peroleh keberkatan.” (Riwayat al-Tabrani)

Setiap perkara yang berkaitan dengan ekonomi seperti sistem cukai perniagaan, pertanian, pengkorporatan dan sebagainya akan dikenakan kepada semua orang tidak kira Muslim atau non Muslim. Setiap ketetapan yang tidak dikenakan kepada Muslim ia juga tidak dikenakan kepada non Muslim. Islam mementingkan perhubungan sesama manusia daripada mengutamakan semata-mata dengan menindas orang lain seperti yang berlaku dalam sistem kapitalis.

Sebagai contoh, seseorang etnik yang non Muslim apabila mati dan tidak sempat membayar cukai hasil daripada pendapatannya dalam perniagaan, belum membayarnya atau hanya membayarnya sebahagian sahaja, maka waris tidak perlu lagi melunaskan cukai tersebut (*Jizzyah*) bahkan tidak diambil dari harta pusakanya walaupun jumlah harta pusaka si mati tersebut banyak. Ini menggambarkan Islam memelihara perpaduan dan hubungan di kalangan masyarakat yang berbagai etnik daripada kepentingan yang lain (al-Nawawi, 1989).

Manakala gagasan yang diketengahkan oleh agama lain seperti Hindu menggalakkan pengikutnya melaksanakan perkara baik yang dikenali sebagai *Niyama* dan melarang manusia daripada melakukan perkara yang buruk dikenali sebagai *Yama*. Bukan sekadar itu sahaja wujudnya gagasan-gagasan agama yang meletakkan nilai-nilai yang baik seperti agama Islam. Sebaliknya agama Hindu juga meletakkan nilai yang tidak baik yang dilarang itu sebagai panduan kepada penganutnya agar menghindarkan diri daripada perlakuan tersebut agar kehidupan mereka sentiasa harmoni dan damai dalam masyarakat. Selain itu agama Hindu meletakkan ketaatan kepada raja selaku pemerintah membolehkan kerajaannya makmur dan rakyat juga boleh mendapat manfaat yang besar dari ketaatan tersebut. Raja dikatakan berperanan sebagai medium penghubung di antara dua kosmos yang berbeza iaitu antara bumi dan langit. Melalui raja suasana harmoni antara kedua-dua kosmos itu tercapai. Malah ada suruhan dan larangan yang mesti diikuti oleh rakyat sama ada yang melibatkan adat resam, berpakaian, bahasa, budaya, adat setempat yang kadangkala masih mewarnai penduduk alam Melayu sehingga kini. Selain itu agama Hindu juga meletakkan tokoh-tokoh agama mereka sebagai penasihat politik dan pentadbiran di istana-istana raja (Abdul Rahman, 2000).

Selain itu agama Buddha juga membawa gagasan dan konsep pemikiran serta agama dalam kehidupan mereka. Terdapat banyak konsep yang diketengahkan antaranya konsep Dao yang membawa maksud lorong atau jalan. Dao digunakan bagi menunjukkan jalan, cara kelakuan ataupun tabiat sama ada ia baik ataupun buruk. Ia merupakan ketetapan kepada penganut Buddha dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Sehinggakan konsep ini dijadikan sebagai konsep moral yang mesti dipatuhi oleh setiap individu. Jadi konsep Dao ini merupakan cara hidup dan cara

tindakan bagi seseorang individu dan juga bagi sebuah kerajaan (Azhar Md Aros *et al.*, 2000). Ini menunjukkan melalui gagasan agama masyarakat akan hidup penuh dengan kerukunan kerana mereka mempunyai pengawalan dan pemantauan daripada agama yang dianuti itu sendiri.

## **ELEMEN-ELEMEN PENCETUS KEPADA KEHARMONIAN BANGSA**

Agama yang diakui sebagai pencetus kepada keharmonian kaum sudah tentu mempunyai elemen-elemen yang membolehkan setiap bangsa memahami dan mengakui bahawa melalui pegangan dan kepercayaan beragama mereka mampu menyatupadukan kesemua masyarakat yang berbilang bangsa di alam Melayu. Antara Elemen-elemen yang dimaksudkan;

### **1. Persaudaraan**

Melalui persaudaraan manusia sering diingatkan supaya memelihara tali persaudaraan. Islam meletakkan hubungan persaudaraan merupakan suatu yang amat penting sehingga dikaitkan dengan keimanan seseorang. Sabda Nabi SAW yang bermaksud;

“Tidak sempurna iman seseorang sehingga dia kasih kepada saudaranya sepetimana dia kasih kepada dirinya sendiri.” (Riwayat Al-Bukhari)

Agama Buddha juga memberikan penekanan tentang konsep persaudaraan. Adanya konsep Ren yang mengetengahkan sifat kemanusiaan yang mengamalkan rasa simpati dan persahabatan antara manusia. Melalui konsep ini seseorang hendaklah mengawal diri agar tidak melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap orang lain seperti mana ia tidak mahu berlaku terhadap diri sendiri. Dengan memahami Ren seseorang itu diyakini dapat mendisiplinkan dirinya serta bertindak mengikut norma-norma sosial dan adat istiadat yang betul dan mulia dalam masyarakat.

Malah dalam agama Buddha juga wujudnya konsep yang mementingkan hubungan persaudaraan yang dikenali sebagai konsep lima hubungan. Golongan muda sentiasa diajar dengan konsep ini demi memperkuatkan hubungan sesama manusia dan menjamin keseimbangan sosial. Lima hubungan yang ditekankan adalah berkaitan dengan hubungan antara isteri dan suami, bapa dan anak, adik-beradik, pemerintah dan rakyat serta kawan dan sahabat (Lok Chong Hoe, 1998).

### **2. Kekitaan**

Rasa kekitaan dalam masyarakat merupakan satu elemen keharmonian bangsa. Ini kerana masyarakat yang sering mengambil berat terhadap saudaranya yang lain mampu mewujudkan suasana yang harmoni di kalangan mereka. Sabda Nabi SAW yang bermaksud;

“Tidak sempurna iman seseorang mukmin itu yang berada dalam keadaan kenyang, sedangkan dia tahu jirannya dalam keadaan lapar.” (Riwayat Al-Bukhari)

Mengambil peduli dan rasa kekitaan itu dipandang serius oleh agama Islam sehingga dikaitkan dengan kesempurnaan iman seseorang. Pepatah Melayu ada menyebut “paha kanan yang dicubit maka turut terasa paha yang kiri”. Ini menggambarkan Islam meletakkan rasa kekitaan sesama manusia itu seolah-olah seperti satu binaan yang saling memperkuatkan antara satu dengan yang lain. Rasa kekitaan juga lahir daripada perasaan sayang kepada saudara, rakan masyarakat, kaum, tempat tinggal dan menetap agar aman damai dan harmoni. Piagam Madinah membuktikan bahawa Islam meletakkan tanggungjawab kepada semua penduduk agar mempertahankan negara Madinah daripada pencerobohan luar. Ini menunjukkan bahawa rasa kekitaan dibajai dan disemai dalam masyarakat yang berbilang kaum (Al- Mawardi, 1985).

Agama mampu melahirkan rasa kekitaan kepada sesuatu kelompok manusia. Ini kerana sistem agama menimbulkan keseragaman bukan sahaja kepercayaan yang sama, malah tingkah laku, pandangan dunia dan nilai yang sama. Bagi orang Jepun yang menganut agama Shinto mereka mempunyai sikap positif terhadap sesuatu perkara. Mereka mempunyai semangat kekitaan yang tinggi apabila setiap keputusan dibuat bersama, bekerjasama serta tidak mementingkan diri sendiri (Arnold Joseph Toynbee, 1972).

### **3. Hormat-menghormati**

Manusia akan hidup saling bermuafakat dan bekerjasama dalam semua hal dan keadaan apabila perasaan hormat-menghormati di antara satu sama lain wujud. Islam dengan jelas meletakkan perasaan hormat-menghormati sebagai satu tuntutan yang sangat-sangat dituntut. Ia tidak terbatas kepada bangsa tetapi merangkumi golongan tua dan muda. Sabda Nabi SAW yang bermaksud;

“Sesiapa yang tidak menghormati orang lain maka dia tidak dihormati.” (Riwayat Al-Bukhari)

Perasaan hormat-menghormati ini diterapkan dalam oleh Nabi SAW dalam Perlembagaan Madinah yang menuntut supaya hak sesama manusia yang bukan Islam pun dituntut untuk dipelihara. Secara jelas dinyatakan, jika jiran yang berlainan agama tidak boleh dianiaya dan tidak boleh diganggu gugat mereka (Al- Mawardi, 1985).

Ajaran Konficius pula memperkenalkan konsep-konsep dalam pendidikan yang menyeru penganutnya menghormati orang lain, guru-guru dan menghargai kebenaran. Ianya dikenali sebagai *Zun Shi Zhong Tao*. Ini menggambarkan bahawa agama Buddha juga mengajar penganutnya menghormati orang lain dengan konsep-konsep yang diajar melalui ilmu pengetahuan dan pendidikan (Azhar Md Aros *et. al.*, 2000).

### **4. Kasih Sayang**

Sifat kasih sayang adalah suatu yang penting dalam kehidupan manusia. Dengan berkasih sayang maka lahirlah manusia yang sentiasa sayang menyayangi dan peka terhadap keadaan saudaranya yang lain. Islam menganjurkan perasaan kasih sayang,

cinta mencintai sehingga mempunyai hubung kait dengan keimanan kepada Allah. Firman Allah Taala dalam surah Ali Imran ayat 31 yang bermaksud;

Katakanlah wahai Muhammad jika sekiranya kamu kasih kepada Allah hendaklah kamu mengikutiku (ajaran sunnahku) nescaya Allah Akan mengasihi kamu dan Allah akan mengampunkan dosa kamu. Sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang.

Sifat kasih sayang yang menjadi asas kepada masyarakat Jepun pada zaman Tokugawa adalah bertitik tolak daripada sumber teks *The Investigasion of Things* iaitu berkaitan undang-undang kemasyarakatan dan mengambil kira fenomena tabii. Penekanan yang diberikan melalui idea ini adalah berkaitan hubungan asas manusia yang meliputi keadilan dan kasih sayang (Umesao,1985).

## **5. Nasihat menasihati**

Nasihat menasihati adalah amalan yang mulia. Manusia secara lazimnya memerlukan kepada nasihat menasihati di antara satu sama lain bagi menjamin keharmonian dan kedamaian dalam hidup. Islam telah menetapkan dalam kehidupan manusia perlu wujud elemen nasihat menasihati. Jika dilihat kepada aktiviti harian kehidupan manusia, agama Islam mewajibkan kepada penganutnya mendengar nasihat dalam seminggu sekali. Ia dilakukan dengan menuntut mereka (penganut beragama Islam) melaksanakan kewajipan menuaikan solat Jumaat yang terdapat padanya khutbah yang berfungsi menasihati setiap aktiviti mereka. Bukan sekadar mingguan ia juga diikuti dengan nasihat tahunan yang disampaikan melalui dua khutbah hari raya (Aidil Fitri dan Aidil Adha).

Unsur-unsur yang disampaikan membolehkan penganut-penganut yang beragama Islam sering bermuhasabah dalam setiap pekerjaan mereka. Oleh yang demikian sifat-sifat terpuji disemai dan dibajai dalam diri mereka agar sentiasa hidup dalam suasana damai, aman dan tenteram. Menjaga dan memelihara akhlak supaya tidak melakukan perbuatan-perbuatan keji yang dilarang dalam agama. Dengan ini secara tidak langsung menjadi pendorong kepada mereka melakukan perbuatan baik dan menghindarkan diri mereka daripada perbuatan-perbuatan keji. Elemen inilah yang mendorong manusia kepada permuaafakan, kedamaian dan keharmonian hidup yang melibatkan kehidupan harian mereka.

Dalam agama Buddha juga terdapat nilai-nilai sosial yang menjadi benteng kepada gejala sosial dan menjamin masyarakat berada dalam keadaan baik. Nilai-nilai ini merupakan elemen-elemen nasihat serta tunjuk ajar agar penganutnya berkelakuan baik. Bukan itu sahaja “Jalan Lapan Lapis Mulia” yang merupakan pegangan penganut Buddha merupakan nasihat yang mampu membawa penganutnya sampai kepada Nirvana (alam ketuhanan) (Azhar Md Aros *et al.*, 2000).

## KEPENTINGAN AGAMA DALAM MASYARAKAT

Agama adalah suatu yang penting dalam kehidupan manusia. Ini kerana tanpa agama manusia sesat dan tidak berpanduan dalam menjalani kehidupan mereka. Sayidina Umar pernah menyatakan;

“kami adalah kaum yang Allah Taala muliakan dengan Islam (agama), selama mana kami mencari kemuliaan selain agama (Islam) kami akan menjadi hina.”

Oleh yang demikian, bagi agama Islam pemeliharaan terhadap hubungan yang mengikat kehidupan ini adalah suatu yang penting bukan sahaja hubungan yang melibatkan sesama manusia malah hubungan yang melibatkan pencipta, makhluk yang lain selain manusia dan juga alam sekeliling. Justeru, Islam sebagai satu agama yang menetapkan tatacara kehidupan yang wujud dalam bentuk bermasyarakat dalam kalangan manusia yang mendiami mana-mana daerah atau tempat. Mereka menjadikan Islam sebagai akidah, pengatur dan penyusun kehidupan rohani dan jasmani. Agama sebagai panduan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti kehidupan bagi mencapai kesempurnaan hidup mereka dalam bermasyarakat (Zakaria Stapa, 1994).

Masyarakat Jepun yang kebanyakannya beragama *Shinto* menjadikan kehidupan bermasyarakat dalam kalangan mereka adalah suatu yang penting. Ajaran *Shinto* memberikan status yang tinggi kepada seseorang yang bekerja dalam bidang produktif untuk kesejahteraan masyarakat. Malah ajaran agama ini menggalakkan mereka melakukan sesuatu kerja secara bersama. Setiap keputusan dibuat secara bersama dan mereka bekerjasama dalam semua perkara tanpa ada sikap mengutamakan kepentingan individu (Afifah, *et al.*, 2003).

Bagi masyarakat yang beragama Buddha, ajaran yang dibawa Confucius yang menyatakan tentang sifat manusia yang perlu dikawal oleh amalan beragama. Menurut beliau “sifat manusia pada mulanya dekat, hanya kerana amalnya tidak sama, maka jarak antara satu sama lain menjadi jauh”. Ini menggambarkan perlakuan penganutnya menentukan baik buruk diri mereka. Orang yang menurut saranan agama maka kehidupan mereka selamat dan harmoni sebaliknya mereka yang ingkar menyebabkan mereka menjadi hina. Bagi penganut Buddha agama dan falsafah mempunyai satu tujuan iaitu memberi kebahagiaan yang sebanyak-banyaknya (Azhar Md Aros *et al.*, 2000).

## SARANAN DAN CADANGAN

Tercatat dalam sejarah bahawa hampir keseluruhan agama menganjurkan kepada manusia supaya hidup secara harmoni dan aman damai serta larangan bersengketa sesama insan. Oleh yang demikian penulis ingin menyarankan beberapa saranan dan cadangan agar kemajmukan penduduk di alam Melayu amnya serta Malaysia dan Indonesia khususnya mengambil beberapa langkah yang proaktif terhadap nilai-nilai agama yang mampu menyatukan manusia daripada bersengketa sesama sendiri

dalam menjalani kehidupan mereka di bumi ini. Antara saranan dan cadangan yang sepatutnya diberi perhatian;

1. Mengkaji semula *syllabus* pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan universiti agar meletakkan pengajian berkaitan agama merupakan suatu yang penting.
2. Meletakkan agama sebagai suatu yang penting dalam kehidupan dan bukan dalam bentuk ritual semata-mata.
3. Memberi galakan kepada pelajar, penulis dan pengkaji agar meneliti dan mengkaji tentang kehebatan agama menyelesaikan kemelut umat.
4. Memberi biasiswa kepada mana-mana individu yang ingin membuat kajian yang mendalam tentang agama-agama di Asia dan memberi galakan yang mendorong mereka untuk terus menghayati dan mengamalkan kerukunan agama yang menjadi panduan kepada kehidupan mereka.
5. Mengadakan dialog antara agama yang memfokuskan tentang titik persamaan dalam agama agar penganut agama masing-masing mampu memahami kehendak dan tuntutan agama mereka.

## PENUTUP

Agama sebagai pencetus keharmonian kaum di alam Melayu adalah suatu yang realiti bukannya khayalan. Ini kerana apabila penganut memahami tuntutan dan larangan agama tiada siapa yang akan mengatasinya disebabkan tiada persaingan dalam bentuk kemanusiaan. Sesiapa yang melanggar tuntutan dan suruhan bererti kebodohan, kejahilan dan kegoaan terserlah dalam diri mereka, sedangkan dalam masa yang sama mereka mengiktiraf agama masing-masing sebagai agama yang terbaik bagi diri mereka. Islam secara jelas menyatakan bahawa jalan Islam adalah jalan yang lurus dan larangan mengikuti jalan yang lain selainya agar tidak terjebak ke lembah kehinaan. Firman Allah Taala dalam surah Yusof, ayat 108 yang bermaksud;

Katakanlah wahai Muhammad inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menuruti aku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas lagi nyata.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.*
- Sheikh Abdullah Basmeih (Trans.). (1995). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Asqalani, Ibnu Hajar. (1997). *Fath al-bari fi syarh sahibh al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (1990). *Pemikiran umat Islam di Nusantara: sejarah dan perkembangannya hingga abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Afifah Abu Yazid (Ed). (2003). *Pengajian tamadun Asia*. Bentong: PTS Publications and Distributor Sdn. Bhd.
- Al-Attas, S.M. Naquib. (1996). *Masyarakat madani Malaysia: satu gagasan, konvensyen masyarakat madani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Sayed Mohamad Naquib. (1969). *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib. (Syed). (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Azhar Hj. Mad Aros, Azharudin Mohd. Dali, Suffian Mansor & Zulkarnain Abd. Rahman. (2000). *Siri sejarah Fajar Bakti TITAS kertas 2*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2004). *Sahih al-Bukhari*. 1 j. Bayrut: Dar Fikr.
- Al-Buti, Muhamad Said Ramadhan. (1991). *Fiqh sirah an-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bugha, Mustafa & Mistu, Mahy al-Din. (1993). *al-Wafi Fi Sharh al-Arbai al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Lok Chong Hoe. (1998). *Tamadun China: falsafah, pandangan hidup dan aspek-aspek kesenian*. Kuala Lumpur : CEDC Dan USM.
- Al-Maududi, Abu A'la. (1997). *Asas-asas Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Maududi, Abu A'la. (2000). *Hak-hak bukan Islam dalam negara Islam*. Zahazan & Mohd Khairuddin (Trans.). Kuala Lumpur: Nuffair Street Sdn. Bhd.
- Al- Mawardi, Abu Hasan al-Basri. (1985). *al-Ahkam al-Sultaniah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mohd Hafiz Mahyudin. (2002). Kepimpinan orang bukan Islam dalam negara Islam menurut persektif siasah Syar'ayyah (Tesis Master). Bahagian Pengajian Syariah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mahyudin Haji Yahya. (2001). *Tamadun Islam dan tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahyudin Haji Yahya. (2001). *Islam di dalam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din ibn Sharaf. (1994). *Sahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Nawawi, Abu Zakriyya Muhy al-Din (1989). *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Qardhawi, Yusuf.(1987). *Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Beirut: Al-Maktab Al-Islami.
- Al-Qardawi Yusof. (2001). *Fiqh al-Dawlah*. Beirut : Dar al-Syuruq.
- Sherman, D., Grunfeld, A. T., Markowitz, G., Rosner, D. & Heywood, L. (2006). *World civilizations, sources, images and interpretations*. Boston: Mc Graw Hill.
- Samuel P. Huntington. (1997). *The clash of civilizations and the remaking of world order*. New York: Simon and Schuster.
- Samuel, Huntington. (1996). *The Clash of Civilisations and the remaking the world order*. New York: Simon and Schuster.
- Al-Tabrani, Sulaiman ibn Ahmad. (1998). *Mu'jam al-kabir li al-Tabrani*. j. 5. Kaherah: Maktabah ibnu Taimiyyah.
- Toynbee, Arnold Joseph. (1972). *A study of history*. London: Oxford University Press.
- YADIM. (2008). *Hubungan etnik: konsep dan amalannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.